

17/04/1997

MDKP diminta selesaikan masalah 30 kedai

JITRA, Rabu - Peniaga di Kompleks Medan Penjaja, Arked Jitra dan Kompleks Buah-buahan di Kubang Pasu di sini, meminta Majlis Daerah Kubang Pasu (MDKP) menyelesaikan segera masalah kira-kira 30 kedai yang tidak beroperasi.

Ini kerana meskipun kompleks terbabit sudah siap dibina tiga tahun lalu, ia masih belum beroperasi sepenuhnya berikutan kegagalan kira-kira 30 kedai yang lain beroperasi.

Masalah berkenaan menyebabkan peniaga yang sudah memulakan perniagaan di situ mengalami kerugian kerana kompleks yang tidak dibuka sepenuhnya itu menyebabkan kedai mereka kurang dikunjungi pelanggan.

Menurut Setiausaha Kerja Umno Daerah, Saad Hashim, kedai di tiga kompleks yang belum dibuka itu menyebabkan peniaga lain yang sudah beroperasi di situ mengalami kerugian berikutan kekurangan pelanggan.

"Keadaan yang lengang di kompleks berkenaan menyebabkan tidak ramai orang mengunjunginya, sekali gus menyebabkan peniaga lain rugi," katanya, hari ini.

Beliau berkata, orang ramai yang berminat menjalankan perniagaan di ketiga-tiga bangunan berkenaan gagal mendapatkan kedai terbabit apabila pentadbiran MDKP memberikan jawapan bahawa kedai berkenaan sudah disewa.

"Bagaimanapun, jika benar kedai itu sudah ada penyewa, ia seharusnya sudah dibuka," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu pernah menegur MDKP supaya menyelesaikan masalah berkenaan tetapi setakat ini, tiada tindakan diambil.

Beliau yang juga wakil peribadi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kubang Pasu, berkata peniaga kini menanggung beban berikutan ketiadaan pegawai MDKP memungut sewa kompleks terbabit.

"Sebelum ini, ada pegawai MDKP yang memungut sewa tetapi kini peniaga pula yang terpaksa ke pejabat MDKP untuk membayar sewa," katanya.

(END)